



قجابه فربندهار أن نكري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Telefon : 09-623 1957
Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr)
: 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my

PERB.TR.A/21/10/0/04-(48)
Bertarikh : 17 Okt 2019
Bersamaan : 18 Safar 1441

Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pusat Tanggungjawab
Negeri Terengganu

YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN POTONGAN UNTUK CARUMAN SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA(PERKESO) BAGI KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU YANG BERTARAF 'CONTRACT FOR SERVICE' TANPA PERJAWATAN KE DALAM MODUL GAJI SISTEM SPEKS SECARA AUTO.

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan pada masa sekarang pemotongan caruman PERKESO secara auto hanya melibatkan kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu yang bertaraf 'Contract Of Service' (COS) sahaja. Bagi kakitangan yang bertaraf Sementara dan 'Contract For Service' (CFS) tanpa perjawatan, potongan untuk caruman PERKESO adalah dilaksanakan secara manual sebagaimana surat arahan pentadbiran ini dalam PERB.TR.U/31/10/01/1-(105) bertarikh 12 Februari 2019.

3. Berikutan penambahbaikan yang dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia, pemotongan caruman PERKESO secara auto akan diperluaskan kepada kakitangan yang bertaraf CFS. Walau bagaimanapun potongan caruman PERKESO secara auto masih belum dapat dilaksanakan kepada kakitangan yang bertaraf sementara dan *Ad-hoc*.

4. Oleh itu, adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan pemotongan caruman PERKESO secara auto bagi kakitangan Kerajaan Negeri Terengganu yang bertaraf 'Contract For Service' (CFS) akan dilakukan bermula dengan pembayaran gaji November 2019. Sehubungan dengan itu, pihak YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan, adalah diminta memastikan perubahan di KEW 320 dibuat bagi kakitangan Kerajaan Negeri bertaraf CFS dengan mengosongkan amaun potongan yang sedia ada di dalam Modul Gaji sistem SPEKS manakala kakitangan bertaraf sementara tidak perlu dibuat perubahan KEW 320.

5. Untuk makluman pihak YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan, terdapat 2 Jenis caruman PERKESO iaitu :

- (i) **JENIS PERTAMA** – Semua pekerja yang belum mencapai umur 60 tahun perlu dicarumkan di bawah jenis pertama kecuali bagi pekerja yang telah mencapai umur 55 tahun dan tiada caruman telah kena dibayar sebelum mencapai 55 tahun.
- (ii) **JENIS KEDUA** – Untuk pekerja yang berumur lebih daripada 60 tahun dan masih bekerja.

"Berbelanja Berhemat, Membawa Keberkatan"

Sila nyatakan rujukan kita apabila menjawab

Untuk maklumat lanjut berkaitan jenis dan kadar caruman, pihak YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan boleh merujuk kepada laman web PERKESO di alamat www.perkeso.gov.my

7. Kerjasama dari pihak YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD SHUKRI BIN AZAM)
Bendahari Negeri
Terengganu

- s.k
1. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri
 2. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
 3. Penolong Bendahari Negeri



096276261



hanizah69@yahoo.com